

KETIDAKSANTUNAN BERBAHASA DALAM WACANA DIGITAL

MASLIDA YUSOF*

Universiti Kebangsaan Malaysia
maslida@ukm.edu.my

WAN ROBIAH MEOR OSMAN

Universiti Kebangsaan Malaysia
mowrobiah@ukm.edu.my

KARIM HARUN

Universiti Kebangsaan Malaysia
linguist@ukm.edu.my

SALINAH JAAFAR

Universiti Malaya
bsalina@um.edu.my

RUSMADI BAHARUDDIN

Persatuan Linguistik Malaysia.
rusmadi@baharudin@yahoo.com

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan fenomena bahasa tidak santun dalam wacana digital, khususnya berkaitan pengkategorian dan strategi ketidaksantunan berbahasa yang digunakan oleh netizen dalam platform media sosial Facebook. Ketidaksantunan berbahasa melibatkan komen yang mengandungi elemen kasar dan kesat seperti penggunaan haiwan, anggota badan dan makian. Dua isu yang melibatkan kontroversi berkaitan agama, bangsa dan institusi diraja (3R) dan politik dijadikan fokus data. Untuk proses mendapatkan data, teknik digital Pengikisan Web (*Web Scrapping*) telah digunakan. Pengkategorian bahasa tidak santun adalah berdasarkan pengkategorian bahasa larangan penerbitan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) (2018) sebagai Rujukan Industri Kandungan Penyiaran. Manakala analisis strategi ketidaksantunan berbahasa adalah berdasarkan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996). Analisis yang dilakukan terhadap wacana digital menunjukkan tujuh kategori ketidaksantunan berbahasa digunakan iaitu gelaran tidak santun kepada individu; gelaran tidak santun kepada institusi dan organisasi; menyamakan manusia dengan haiwan atau makhluk yang tidak baik; anggota badan dan hasil daripada badan manusia; sifat dan kelakuan manusia; menyamakan manusia dengan benda dan objek; dan keagamaan dan perkauman. Strategi ketidaksantunan berbahasa pula hanya melibatkan empat kategori iaitu ketidaksantunan secara langsung; ketidaksantunan positif; ketidaksantunan negatif dan sarkasme atau berpura-pura santun. Kajian ini menunjukkan bahawa bahasa tidak santun bukan sahaja berfungsi sebagai alat ekspresi emosi, tetapi juga sebagai mekanisme pembentukan solidariti kumpulan dan penegasan kuasa dalam ruang maya.

Kata kunci: bahasa larangan; ketidaksantunan; media sosial; strategi ketidaksantunan; wacana digital

LINGUISTIC IMPOLITENESS IN DIGITAL DISCOURSE

ABSTRACT

This study investigates the phenomenon of linguistic impoliteness in digital discourse, focusing on its categorization and strategies as employed by netizens on Facebook. Impoliteness is expressed through comments containing coarse and offensive elements, including references to animals, body parts, and profanities. The data are drawn from two controversial issues related to religion, race, and the monarchy (3R), as well as politics. Data collection was conducted using Web Scraping techniques. The categorization of impolite language follows the classification of prohibited expressions outlined by the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC, 2018) in the Content Code for Broadcasting Industry Reference, while the analysis of impoliteness strategies is guided by Culpeper's (1996) Impoliteness Theory. Findings reveal seven categories of impolite language: derogatory labels directed at individuals; derogatory labels directed at institutions and organizations; equating humans with animals or negative entities; references to body parts and bodily products; attributes and behaviors of humans; equating humans with objects; and religious or racial references. Four impoliteness strategies were identified: direct impoliteness, positive impoliteness, negative impoliteness, and sarcasm or mock politeness. Overall, the study demonstrates that impolite language functions not only as a medium of emotional expression but also as a mechanism for constructing group solidarity and asserting power in the virtual sphere.

Keywords: digital discourse; impoliteness; impoliteness strategies; prohibited language; social media

PENGENALAN

Perkembangan teknologi komunikasi digital telah mengubah secara radikal cara manusia berinteraksi, khususnya melalui media sosial yang bersifat terbuka, interaktif, dan bersifat masa nyata. Platform seperti Twitter, Facebook, dan TikTok bukan sahaja menjadi saluran penyebaran maklumat, tetapi juga medan wacana awam yang mencerminkan pelbagai bentuk ekspresi linguistik. Dalam konteks ini, fenomena bahasa tidak santun merangkumi ujaran kasar, menghina, sinis, dan tidak beretika dilihat semakin menonjol sebagai isu linguistik dan sosial yang memerlukan perhatian serius.

Peralihan komunikasi daripada bentuk tradisional kepada komunikasi secara maya telah membawa implikasi besar terhadap cara masyarakat berinteraksi dan menyampaikan maklumat. Media sosial seperti Facebook, Twitter, dan TikTok bukan sahaja menjadi saluran komunikasi harian, malah berfungsi sebagai ruang wacana awam yang terbuka dan tidak bersempadan. Dalam konteks ini, kebebasan bersuara yang ditawarkan oleh platform digital sering kali dimanfaatkan tanpa kawalan sendiri, sehingga mencetuskan fenomena penggunaan bahasa tidak santun secara meluas. Ketidaksantunan berlaku apabila perilaku individu menyimpang daripada norma sosial yang menjadi asas kepada keharmonian dalam interaksi dan hubungan antara manusia (Culpeper et al. 2003). Menurut Culpeper (2005: 38) yang dipetik dalam Haboobi, Z.R.H.A., & Rikabi, A.A.A. (2022), ketidaksopanan berlaku apabila:

- (a) penutur secara sengaja melancarkan serangan terhadap muka (face-attack), atau
- (b) pendengar menafsirkan bahawa serangan tersebut dilakukan dengan sengaja, atau

(c) apabila kedua-dua keadaan (a) dan (b) berlaku serentak.

Dalam hal ini, Culpeper (2016) menegaskan bahawa tingkah laku tidak sopan sama ada disengajakan oleh penutur atau ditanggapi oleh pendengar sebagai disengajakan akan mengakibatkan kehilangan muka (face loss) pada pihak pendengar. Kehilangan ini, menurut beliau, berlaku dalam konteks ketidaksopanan apabila wujud konflik dan pertentangan kepentingan antara pihak yang berinteraksi. Justeru, kehilangan air muka yang dialami oleh pendengar lazimnya membawa kesan emosi terhadap dirinya. Dengan perkataan lain, bahasa tidak santun merujuk kepada bentuk ujaran yang melanggar norma kesopanan, termasuk kata makian, penghinaan, sindiran tajam, dan sarkasme yang bersifat merendahkan. Fenomena ini bukan sahaja mencerminkan pergeseran nilai dalam komunikasi masyarakat, malah turut menimbulkan kesan negatif terhadap kesejahteraan psikososial pengguna, pembentukan identiti digital, dan dinamika interaksi dalam talian. Dalam sesetengah kes, bahasa tidak santun menjadi alat untuk membuli, memanipulasi emosi, atau menimbulkan polarisasi dalam kalangan pengguna. Isu ini semakin kompleks apabila dilihat dari sudut linguistik, khususnya dari aspek pragmatik dan konteks ujaran. Sesetengah bentuk kekasaran mungkin bersifat tersirat atau bergantung pada tafsiran konteks, menjadikan sempadan antara kebebasan bersuara dan kekasaran linguistik sukar ditentukan secara objektif. Tambahan pula, ketiadaan mekanisme pengawalseliaan yang berkesan serta normalisasi kekasaran dalam budaya digital menyumbang kepada kelangsungan isu ini.

Oleh itu, sorotan terhadap isu bahasa tidak santun dalam media sosial bukan sahaja penting dari sudut analisis linguistik, tetapi juga dari perspektif pendidikan, dasar komunikasi, dan pembentukan budaya digital yang lebih beretika dan inklusif. Bahasa tidak santun dalam media sosial bukan sekadar manifestasi emosi individu, tetapi juga mencerminkan pergeseran norma komunikasi dalam ruang maya yang sering kali bebas daripada pengawasan dan tanggungjawab sosial. Penggunaan bahasa yang tidak beradab ini berpotensi menjejaskan kualiti interaksi, memperkukuh budaya toksik, serta memberi kesan terhadap kesejahteraan psikososial pengguna. Berasaskan tujuan penelitian terhadap isu ketidaksantunan berbahasa dalam platform media sosial, maka makalah ini bertujuan untuk membincangkan ketidaksantunan dalam platform media sosial berdasarkan kerangka Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996) dan menganalisis strategi linguistik yang digunakan oleh penutur dalam menyampaikan ketidaksantunan secara sengaja dalam wacana digital.

SOROTAN LITERATUR

Bentuk komunikasi masa kini telah mengalami transformasi ke arah komunikasi secara maya, yang dimediasi oleh pelbagai portal dan laman sosial. Kepelbagaian saluran ini telah membuka ruang kepada masyarakat untuk menyuarakan pandangan secara bebas, namun kebebasan tersebut sering kali dimanfaatkan tanpa mengambil kira prinsip etika dan kesantunan dalam penggunaan bahasa. Fenomena bahasa tidak santun dalam media sosial telah menarik perhatian pelbagai penyelidik dalam bidang linguistik, komunikasi, dan psikologi sosial.

Kajian Azizul Ismail dan Vijayaletchumy (2018) dengan tumpuan terhadap penggunaan bahasa tidak santun dalam blog politik berbahasa Melayu di Malaysia bertujuan mengklasifikasikan bentuk perkataan yang tidak beretika dalam wacana politik digital. Kajian ini berasaskan pendekatan yang dikemukakan oleh Jay (2000) dan Pinker (2008b) dipetik daripada Azizul Ismail dan Vijayaletchumy (2018). Sebanyak 10 blog politik telah dipilih sebagai sampel kajian, merangkumi lima blog yang menyokong pihak kerajaan dan lima blog yang berpihak kepada pembangkang. Kajian ini dianggap signifikan kepada penulis blog, pengikut politik dalam talian, pengkaji bahasa, serta masyarakat umum, khususnya dalam

usaha memastikan kandungan penulisan blog politik selaras dengan prinsip kesantunan berbahasa yang menjadi asas pembentukan identiti negara bangsa. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 94 perkataan tidak santun telah dikenal pasti dan dikategorikan kepada tujuh jenis utama, iaitu gelaran terhadap individu dan institusi, penyamaan manusia dengan haiwan atau makhluk lain, rujukan kepada anggota badan, sifat dan kelakuan, penyamaan manusia dengan objek, serta elemen keagamaan dan perkauman. Kajian ini menjadi asas penting dalam usaha memahami bagaimana bahasa kasar digunakan untuk menyerang individu dan institusi, serta bagaimana ia mencorakkan persepsi politik dalam kalangan masyarakat.

Najwa Nazurah Ahmad Rashid dan Nora'Azian Nahar (2022) juga meneliti kesantunan berbahasa dalam wacana politik. Kajian ini secara khusus bertujuan mengenal pasti dan menganalisis penggunaan ungkapan makian dalam wacana politik dan kepemimpinan dalam kalangan masyarakat Malaysia menerusi kumpulan komuniti 'Suara Rakyat' seterusnya menjelaskan makna ungkapan makian dan fenomena yang berlaku berdasarkan pendekatan Teori Ketidaksantunan Berbahasa Culpeper (1996). Data dikumpulkan daripada hantaran komen menerusi kumpulan komuniti 'Suara Rakyat' di Facebook yang melibatkan perbincangan tentang politik dan kepemimpinan bagi tempoh lima bulan bermula 1 Januari hingga 31 Mei 2022. Hasil kajian menunjukkan terdapat tujuh jenis kata kesat yang sering digunakan oleh masyarakat Malaysia. Kajian ini turut mencatatkan bahawa kata makian yang berkaitan dengan penyamaan manusia dengan haiwan, seperti 'babi' dan 'anjing' lebih banyak digunakan dalam wacana politik dan kepemimpinan. Pengkaji memberi pandangan bahawa penggunaan kata makian ini sangat bertentangan dengan negara Malaysia yang majoriti rakyatnya beragama Islam dan rakyat yang telah diterapkan dengan nilai kesantunan sejak zaman nenek moyang. Teori Ketidaksantunan Berbahasa Culpeper (1996) menjelaskan bahawa pilihan penggunaan kata makian daripada kelompok kata penyamaan manusia dengan haiwan adalah disebabkan masyarakat kini sudah lantang bersuara dan telah hilang rasa hormat terhadap individu lain mahupun terhadap pentadbir negara. Dapatan menunjukkan bahawa penyamaan manusia dengan haiwan merupakan bentuk makian yang paling dominan, mencerminkan hilangnya rasa hormat terhadap pemimpin dan institusi politik. Kajian ini menekankan bahawa penggunaan kata kesat bukan sahaja melanggar norma kesantunan, tetapi juga bertentangan dengan nilai agama dan budaya masyarakat Malaysia yang menekankan adab dan sopan santun.

Masih dalam wacana politik sebagai isu penelitian, Nursyafieqa 'Ifwat dan Maizura (2024) menganalisis penggunaan implikatur dalam konteks pilihan raya. Dalam konteks kajian ini, implikatur dianggap sebagai strategi menyampaikan ungkapan kesat secara tersirat. Mereka mendapati bahawa pengguna media sosial cenderung menggunakan bahasa tidak literal untuk menyampaikan kritikan atau penghinaan, sekali gus menunjukkan bahawa ketidaksantunan boleh berlaku dalam bentuk yang lebih halus dan kontekstual. Kajian ini memperkukuh peranan pragmatik dalam memahami kekasaran linguistik dalam ruang digital.

Sementara itu, Nurul Syazwani Zulkifli et al. (2025) meneliti ungkapan kesat dalam interaksi siber dengan pendekatan analisis kualitatif deskriptif. Mereka mendapati bahawa kebebasan bersuara dan keterbukaan media sosial telah mencorakkan budaya komunikasi yang semakin melampaui batas kesopanan, khususnya dalam isu-isu hangat seperti politik dan hiburan. Kajian ini menyorot bagaimana emosi seperti marah, kecewa, dan sinis diekspresikan melalui bahasa yang menyerang dan menyindir. Satu lagi kajian yang relevan dalam memahami fenomena bahasa tidak santun dalam media sosial ialah kajian Mohd Norazizi Samsudain dan Mardian Shah Omar (2022) yang meneliti penggunaan bahasa berunsur negatif dalam platform Facebook. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dan berasaskan kerangka Etnografi Komunikasi yang diperkenalkan oleh Dell Hymes (1972), dengan rujukan kepada klasifikasi ragam bahasa negatif oleh Asmah Haji Omar (1987). Data kajian diperoleh daripada

hantaran media arus perdana dan propembangkang yang membincangkan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga jenis bahasa negatif yang dominan dalam komen pengguna media sosial, iaitu bahasa basahan, bahasa pasar, dan bahasa mencarut. Penggunaan bahasa ini didapati lebih ketara dalam kalangan golongan dewasa dan remaja lelaki, yang cenderung mengabaikan nilai kesantunan berbahasa ketika memberi komen terhadap isu politik yang sensitif. Kajian ini turut menekankan bahawa sentimen politik dan emosi yang dibangkitkan dalam media sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemilihan leksikal yang bersifat negatif.

Kajian yang meneliti pengkategorian bahasa tidak santun turut disentuh dalam kajian Nur Anis Najihah Mohd Rapihei dan Sa'adiyah Ma'alip (2024) yang bertajuk Penggunaan Bahasa Kasar Di Ruangan Komen Akhbar Sinar Harian dalam Aplikasi Facebook. Mereka cuba mengenal pasti bentuk penggunaan bahasa kasar di ruangan komen artikel akhbar Sinar Harian dalam aplikasi Facebook. Kajian mereka mengenal pasti lapan bentuk bahasa kasar yang digunakan merangkumi nama haiwan atau binatang, sifat atau taraf akal, anggota kemaluan, makhluk halus, najis, nama yang sinonim dengan watak jahat, kematian dan lain-lain bentuk. Dalam kajian ini penggunaan bahasa kasar yang paling tinggi adalah bagi unsur sifat atau taraf akal iaitu 'bodoh/bodo'. Bahasa kasar dengan unsur sifat atau taraf akal ini turut digunakan sebagai kata makian, kata sumpahan dan kata penghinaan. Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang bagaimana konteks isu semasa dan identiti pengguna mempengaruhi bentuk dan fungsi bahasa tidak santun dalam media sosial. Kajian ini juga menekankan keperluan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya kesantunan berbahasa sebagai asas perpaduan dan jati diri dalam era komunikasi digital.

Selanjutnya, kajian oleh Azianura Hani Shaari dan Muhammad Rahim Kamaluddin (2019) pula menekankan bahawa ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan remaja Malaysia yang dikaitkan dengan amalan buli siber, yang melibatkan penggunaan kata-kata negatif, penyebaran maklumat palsu, dan penghinaan secara terbuka melalui media sosial. Kajian ini menunjukkan bahawa kekasaran linguistik bukan sahaja bersifat ekspresif, tetapi juga berfungsi sebagai alat dominasi dan pengaruh sosial. Kajian ini memperluas pemahaman tentang fungsi sosial bahasa tidak santun, yang bukan sekadar mencerminkan perasaan, tetapi juga strategi untuk mengawal dan mempengaruhi interaksi dalam talian.

Fenomena ketidaksantunan berbahasa dalam media sosial telah menjadi tumpuan pelbagai kajian dalam bidang linguistik, khususnya dalam konteks wacana politik. Peralihan komunikasi ke ruang digital telah memperluas peluang masyarakat untuk menyuarakan pandangan secara terbuka, namun kebebasan ini sering kali disalahgunakan sehingga menjejaskan nilai kesantunan yang menjadi teras budaya dan identiti bangsa. Kajian-kajian yang dirujuk dalam perbincangan ini secara umumnya menunjukkan bahawa tumpuan utama penyelidikan terdahulu adalah terhadap usaha mengklasifikasikan bentuk-bentuk bahasa tidak santun yang wujud dalam komunikasi di platform media sosial. Penekanan diberikan kepada aspek penjenisan dan pengkategorian ujaran yang bersifat ofensif, provokatif, atau melanggar norma kesantunan, sama ada dari segi linguistik, pragmatik, mahupun konteks sosial penggunaannya. Sehubungan dengan kecenderungan kajian terdahulu yang lebih menumpukan kepada pengkategorian bentuk bahasa tidak santun dalam komunikasi media sosial, kajian ini bertujuan untuk meneroka secara lebih mendalam fungsi, konteks dan motivasi di sebalik penggunaan bahasa tidak santun dalam interaksi digital. Di samping itu, kajian ini juga akan membuat pengklasifikasian semula bentuk-bentuk bahasa tidak santun berdasarkan dimensi pragmatik dan konteks sosial penggunaannya, dengan mengambil kira perubahan norma komunikasi serta dinamika budaya dalam ruang siber masa kini.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan tumpuan kepada analisis komen netizen terhadap isu-isu tertentu dalam platform media sosial facebook. Pendekatan ini dipilih bagi memahami bentuk, fungsi, dan konteks penggunaan bahasa tidak santun dalam media sosial secara mendalam, serta menelusuri implikasi linguistik dan sosial yang timbul daripadanya. Data dikumpulkan daripada platform media sosial Facebook, melibatkan komen yang mengandungi elemen kekasaran atau ketidaksantunan. Untuk proses mendapatkan data yang lebih telus dari sudut sampel dan demografi, teknik digital pengikisan web (*Web Scrapping*) telah digunakan untuk keperluan kajian. Menurut Krotov et al., (2020), pengikisan web adalah salah sebuah proses untuk mendapatkan data daripada Jaringan Sejagat (WWW) dan menyimpan data dalam sesebuah cara tertentu untuk dianalisis.

Strategi persampelan bertujuan digunakan untuk mengekstrak secara khusus hantaran yang berkaitan dengan isu tular. Pendekatan yang disasarkan ini memastikan kandungan yang dikumpul adalah relevan dan mewakili topik yang mendapat perhatian tinggi. Skop meliputi isu-isu sensitif dan tular dalam masyarakat iaitu dua isu yang melibatkan kontroversi berkaitan agama, kaum dan institusi diraja (3R) yang bertajuk “Saya beri amaran keras, hentikan provokasi di media sosial” - Menteri Perpaduan yang diberikan kod BQ_FB14 dan isu politik di media sosial facebook yang bertajuk “Kaitkan Hannah Yeoh dengan pengasas Kumpulan YTL, Razman akui terkhilaf” dan diberi kod BQ_FB01 sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

JADUAL 1. Platform Media Sosial dan Isu Penelitian

Bil.	Platform	Profil	Tajuk	Tarikh	Jumlah komen	Skop	Kod
1.	Facebook	Oh My Media	“Saya beri amaran keras, hentikan provokasi di media sosial” - Menteri Perpaduan	6 Mac 2025	3994	3R	BQ_FB14
2.	Facebook	Berita Harian	Kaitkan Hannah Yeoh dengan pengasas Kumpulan YTL, Razman akui terkhilaf	27 Januari 2025	1000	Politik	BQ_FB01
	Jumlah komen				4994		

Jadual 1 menunjukkan hasil pengikisan web yang dilaksanakan merentasi platform Facebook dalam tempoh empat bulan, iaitu dari Disember 2024 hingga Mac 2025. Hantaran dikenal pasti berdasarkan metrik keterlihatan seperti jumlah perkongsian, sukaan, dan komen membolehkan set data mencerminkan sentimen awam yang penting merentas pelbagai tempoh dan tema. Kajian ini direka bentuk berlandaskan prinsip etika. Hanya data yang tersedia secara umum dikumpul, tanpa melibatkan kandungan peribadi atau terhad. Maklumat pengenalan diri tidak direkodkan kecuali nama paparan pengguna seperti yang dipaparkan di platform. Pendekatan ini mematuhi garis panduan etika penyelidikan digital serta dasar penggunaan data awam Facebook. Oleh itu, kajian ini dikategorikan sebagai berisiko rendah dan tidak memerlukan kebenaran khas.

Pengenalpastian kata tidak santun adalah berdasarkan Culpeper et al. (2003) yang menyebut bahawa ketidaksantunan berbahasa berlaku apabila perilaku individu menyimpang daripada norma sosial yang menjadi asas kepada keharmonian dalam interaksi dan hubungan antara manusia. Dalam kajian ini perilaku berbahasa yang menyimpang daripada norma sosial ialah penggunaan bahasa kasar atau kesat yang didefinisikan sebagai bahasa yang tidak santun atau tidak manis dituturkan atau digunakan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Bahasa tidak santun yang menjadi larangan atau tabu diucapkan kerana bahasa ini tidak wajar disebut, mempunyai maksud negatif atau mempunyai nilai konotasi yang tidak baik seperti penggunaan nama haiwan seperti *babi*, *beruk*, *biawak*; penggunaan taraf akal seperti *bodoh*, *bangang*, *bahlol*; penggunaan bahagian badan tertentu seperti *pukimak*, *telo* dan kata makian seperti *celaka*, *sial* dan lain-lain. Selanjutnya pengkategorian bahasa tidak santun akan berdasarkan pengkategorian bahasa larangan penerbitan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) (2018) sebagai Rujukan Industri Kandungan Penyiaran. Pengkategorian bahasa tidak santun sebagaimana disenaraikan dalam Rujukan Industri Kandungan Penyiaran Adalah seperti yang berikut:

1. Gelaran tidak santun kepada individu
2. Gelaran tidak santun kepada institusi dan organisasi
3. Menyamakan manusia dengan haiwan atau makhluk yang tidak baik
4. Anggota badan dan hasil daripada badan manusia
5. Sifat dan kelakuan manusia
6. Menyamakan manusia dengan benda dan objek
7. Keagamaan dan perkauman

Pengkategorian bahasa tidak santun sebagaimana yang digariskan dalam Rujukan Industri Kandungan Penyiaran bukan sahaja berfungsi sebagai kerangka penapisan linguistik, malah mencerminkan keperluan etika dalam penyampaian maklumat kepada khalayak. Kajian ini menggunakan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996) bagi menganalisis penggunaan strategi ketidaksantunan berbahasa dalam platform media sosial Facebook.

TEORI KETIDAKSANTUNAN CULPEPER (1996)

Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996) merupakan lanjutan daripada Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987), namun dengan fokus kepada pelanggaran norma kesantunan secara strategik. Culpeper menekankan bahawa ketidaksantunan berbahasa bukan sekadar kegagalan berkomunikasi secara sopan, tetapi boleh menjadi alat retorik untuk menunjukkan kuasa, dominasi, atau penolakan sosial. Dalam konteks digital, strategi ini menjadi lebih kompleks kerana ketiadaan isyarat bukan verbal dan sifat anonimiti pengguna.

Lima Strategi Implikasi Ketidaksantunan (Culpeper, 1996: 356):

1. Ketidaksantunan secara langsung (*bald on record impoliteness*). Dalam strategi ini, penutur melaksanakan lakuan ancaman air muka (FTA) secara eksplisit dan langsung dalam situasi yang melibatkan serta berkaitan dengan muka (face).
2. Ketidaksantunan positif (*positive impoliteness*). Strategi ini digunakan untuk merosakkan muka positif sasaran, iaitu keinginan individu untuk dihargai, diterima, dan dianggap sebagai sebahagian daripada kelompok sosial.

3. Ketidaksantunan negatif (*negative impoliteness*). Strategi ini bertujuan merosakkan muka negatif sasaran, iaitu hak individu untuk bebas daripada paksaan, gangguan, atau campur tangan.
4. Sarkasme atau berpura-pura santun (*sarcasm or mock politeness*). Strategi ini melibatkan penggunaan bentuk kesantunan yang tidak ikhlas. Secara luaran strategi ini kelihatan positif dan menyokong, namun hakikatnya bertujuan merosakkan muka pendengar.
5. Menahan kesantunan (*withhold politeness*) Strategi ini merujuk kepada ketiadaan perlakuan sopan dalam situasi yang sepatutnya menuntut kesantunan, sekali gus menjejaskan muka sasaran.

Secara keseluruhannya, ketidaksantunan merupakan sikap negatif terhadap perlakuan tertentu dalam konteks sosial yang spesifik, dan dipengaruhi oleh jangkaan, kehendak, serta kepercayaan terhadap norma sosial. Ketidaksantunan berbahasa turut dikaitkan dengan label seperti biadab, tidak beradab, atau kurang ajar, dan boleh menimbulkan kesan emosi serta menyinggung perasaan individu yang terlibat.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Penggunaan bahasa tidak santun mula menjadi kelaziman kepada warga maya atau netizen. Media sosial menyediakan ruang komunikasi yang bersifat separa anonim, Pengguna yang tidak menggunakan nama sebenar atau identiti yang boleh dikenal pasti. Contohnya, pengguna media sosial yang menggunakan nama samaran atau akaun palsu sekali gus mengurangkan tekanan sosial terhadap pengguna untuk mengekalkan kesantunan berbahasa. Statistik menunjukkan penggunaan bahasa kasar di media sosial sebanyak 51 juta ciapan dan 14 juta pengguna mendedahkan bahawa bahasa kasar muncul pada kadar 1.15% di Twitter, manakala kata-kata kutukan itu muncul dalam 7.73% daripada semua ciapan. Ini bermakna satu daripada setiap 13 ciapan mengandungi kata-kata kasar. Hal ini jelas menunjukkan media sosial dijadikan platform yang mendorong pengguna untuk menggunakan bahasa yang kasar. (Azean Idruwani Idrus, 2022).

Berdasarkan penelitian data terhadap dua isu yang diteliti dalam Jadual 1 iaitu sepanjang 4 bulan penelitian, sebanyak 4994 komen telah dikumpulkan. Isu 3R yang bertajuk “Saya beri amaran keras, hentikan provokasi di media sosial” - Menteri Perpaduan, mendapat reaksi komen yang tinggi iaitu sebanyak 3994 komen manakala isu politik yang bertajuk “Kaitkan Hannah Yeoh dengan pengasas Kumpulan YTL, Razman akui terkhalaf” hanya mendapat 1000 komen. Dalam era digital yang semakin berkembang pesat, isu-isu berkaitan 3R iaitu *Race* (kaum), *Religion* (agama), dan *Royalty* (institusi diraja) semakin menjadi perhatian ramai. Fenomena ini bukan sahaja mencerminkan kepekaan masyarakat terhadap identiti dan institusi, malah menunjukkan bagaimana ruang maya telah menjadi medan utama untuk perdebatan, ekspresi emosi dan pembentukan wacana awam. Platform seperti Facebook telah membuka ruang luas kepada pengguna media sosial untuk menyuarakan pandangan secara terbuka dan segera yang membolehkan isu-isu 3R tersebar dengan pantas, sering kali disertai dengan pelbagai bentuk reaksi daripada sokongan dan solidariti, kepada kritikan dan kecaman.

Dalam konteks komunikasi digital semasa, keterlibatan netizen terhadap pelbagai isu sosial menunjukkan pola yang berbeza-beza bergantung kepada sifat dan sensitiviti sesuatu topik. Berbanding isu-isu yang berkaitan dengan 3R dan keganasan jenayah, isu politik didapati menerima jumlah komen dan reaksi yang lebih rendah daripada pengguna media sosial. Isu politik lazimnya melibatkan perbincangan yang bersifat teknikal dan berstruktur, merangkumi

dasar awam, sistem pemerintahan, serta strategi politik. Ahli politik seperti ahli parlimen, menteri, dan pemimpin parti sering menjadi subjek liputan media, namun tidak semestinya mencetuskan keterlibatan tinggi dalam kalangan netizen. Hal ini mungkin disebabkan oleh persepsi bahawa wacana politik memerlukan literasi politik yang lebih tinggi dan berisiko untuk dibincangkan secara terbuka, terutamanya dalam konteks yang mempunyai kawalan ketat terhadap kebebasan bersuara. Oleh itu, ramai pengguna memilih untuk tidak memberi komen secara terbuka, atau mengekspresikan pandangan mereka melalui saluran tertutup seperti aplikasi mesej peribadi.

Walau bagaimanapun kedua-dua isu politik dan 3R merupakan isu panas dan mencetuskan pandangan dan komen yang beremosi. Bagi meluahkan emosi seperti kemarahan, kekecewaan dan ketidakpuasan terhadap isu-isu viral dan panas ini, pengguna cenderung menggunakan bahasa yang tidak santun iaitu bahasa kasar sebagai mekanisme pelepasan emosi. Dalam data bagi dua isu yang dikenal pasti, didapati kesemua tujuh kategori bahasa larangan yang disenaraikan dalam Rujukan Industri Kandungan Penyiaran ada digunakan oleh netizen sebagaimana berikut:

Gelaran tidak santun kepada individu (pemimpin/individu tertentu)

Tindakan ini merupakan perbuatan untuk membunuh karakter seseorang individu khususnya dalam kalangan pemimpin (SKMM, 2018).

- a. Namiea Ali elok sabun tu sumbat dlm jubo die jemamposs ko duk dlm kan..OKU ko bantai mcm nak mati org tue tu..klu type C mabok xnak plak ko hempok die sampai lunyai.. (BQ_FB14)
- b. *Penunggang agama* punya taktik nk join politaaiikk dgn pitenah2 la kann...(BQ_FB01)
- c. Pala bapak hang kesal..banyak kali dah dok buat fitnah pastu minta maaf.biawak betul *lebai* pas (BQ_FB01)
- d. Makin besar kepala puak2 *kicap hitam* ni sekarang ye (BQ_FB14)

Dalam data (a) – (d), bahasa tidak santun yang tergolong dalam gelaran tidak santun ialah melabelkan seseorang atau sekumpulan orang dengan panggilan dan gelaran seperti *type C*, *lebai*, *penunggang agama* dan *kicap hitam*.

Gelaran tidak santun kepada institusi dan organisasi

- a. madanon haprak hampeh hancing barua anjing *dapigs* (BQ_FB14)
- b. Pagi tadi bkn main rancak kau buat fitnah petang ni pula mohon maaf, mmang dh dasar kerja pemimpin PAS (Parti Ajaran Sesat) ((BQ_FB01)
- c. Ok ke x pas ni sekarang dah jd khawarij bahaya

Tindakan ini merupakan teknik institusi atau organisasi tertentu khususnya parti politik untuk menimbulkan persepsi yang tidak baik kepada Masyarakat (SKMM, 2018). Contoh dalam data penggunaan gelaran tidak santun kepada institusi atau organisasi adalah seperti *dapigs*, PAS (Parti Ajaran Sesat) dan Khawarij iaitu menyatakan sekelompok umat Islam yang berbeza dengan mereka sebagai munafik.

Menyamakan manusia dengan haiwan atau makhluk yang tidak baik

- a. Gantung buat apa? Pecat je *monyet2* ni. Dah la jahil tukir lepas tu hina agama pulak. Bangang puiiii (BQ_FB14)
- b. *Dajal* senyum jer tengok anjing berkopiah dia buat kerja (BQ_FB01)
- c. Kenapa musibat ni jadikan fitnah dlm dakwah dia... sedara mara *iblis* ka dia ni

Tindakan menyamakan manusia dengan haiwan atau makhluk yang tidak baik boleh dikatakan sebagai tindakan yang tidak bertamadun disebabkan atas dasar politik, martabat keinsanan telah diletakkan setaraf dengan haiwan dan makhluk lain yang tidak baik. (SKMM, 2018). Haiwan yang disamakan dengan individu tertentu atau sifat individu antaranya, babi, monyet dan biawak. Manakala makhluk tidak baik yang digunakan netizen ialah dajal, setan dan iblis.

Anggota badan dan hasil daripada badan manusia

- a. Telur dah kechut la tu...(BQ_FB01)
- b. Pemimpin melayu semua xde telo...(BQ_FB14)
- c. Tahi semua ni...ISLAM DI HINA,DIAM MEMBATU... (BQ_FB14)
- d. kepala butohh koyak geng pundek (BQ_FB14)

Kategori anggota badan dan hasil daripada badan manusia merujuk kepada penggunaan kata-kata makian yang berasaskan tubuh manusia, khususnya alat sulit dan hasil daripada badan seperti tahi, pukimak, jubo dan lain-lain lagi. Dalam budaya Melayu, anggota badan tertentu dianggap tabu untuk disebut secara terbuka, apatah lagi digunakan sebagai bahan ejekan. Justeru, apabila ia digunakan dalam makian, kesannya menjadi lebih tajam dan menghina kerana bukan sahaja melanggar norma kesopanan bahasa, tetapi juga menyentuh aspek maruah dan kehormatan individu. Misalnya, ungkapan “*Telur dah kechut la tu...*” dan “*Pemimpin melayu semua xde telo...*” jelas menggunakan metafora buah zakar sebagai simbol keberanian dan maskuliniti. Apabila dikatakan “*tiada telo*”, ia membawa maksud seseorang itu pengecut, tidak berani, atau tidak tegas. Begitu juga dengan kata “*tahi*” yang digunakan untuk melabelkan pihak tertentu sebagai hina, jijik, dan tidak berguna, seperti dalam ungkapan “*Tahi semua ni... ISLAM DI HINA, DIAM MEMBATU...*”. Sementara itu, makian ekstrem seperti “*kepala butohh koyak geng pundek*” menggabungkan rujukan kepada alat sulit lelaki dan perempuan, sekali gus menambah intensiti penghinaan. Secara keseluruhannya, penggunaan anggota badan dan hasil badan manusia dalam makian berfungsi sebagai strategi retorik untuk merendahkan, mencabar maruah, dan menimbulkan rasa malu, di samping mencerminkan bagaimana bahasa tabu digunakan sebagai senjata linguistik dalam wacana digital.

Sifat dan kelakuan manusia

- a. Satu keluarga ada kad oku ? (BQ_TT06)
- b. Kau bawak imej Islam pastu buat neratif fitnah...pastu nnti agama kita d pandang rendah,pak kau yang akan melompat dlu.. elok laa negara kita ni Haram kan puak2 penunggang agama ni.. sbb kan bodoh2 ni org lain yg mangsa (BQ_FB01)
- c. Steady un.... Backup sampai mampossss (BQ_FB01)
- d. sebb tu la jangan ambil dj dari kalangan pelawak..sebb pelawak nj kebanyakan bebal.. agama memang bahan lawak diorang pun (BQ_FB14)

Dalam kategori ini, pengguna media sosial atau netizen cenderung menggunakan kata-kata yang merujuk kepada sifat dan kelakuan manusia sebagai strategi linguistik untuk menghina, merendahkan, atau memperlekeh individu lain. Ujaran sebegini sering kali mengambil bentuk label negatif yang disandarkan kepada ciri-ciri intelektual, moral atau emosi seseorang dan berfungsi untuk menandakan kekurangan, kebodohan, atau ketidakwajaran tingkah laku sasaran. Contoh perkataan seperti “bodoh”, “bangang”, “mampus”, dan “celaka” bukan sahaja mencerminkan intensiti emosi penutur, tetapi juga berperanan sebagai alat retorik untuk menunjukkan dominasi, mewujudkan jarak sosial, atau mengekspresikan kemarahan secara terbuka. Dari sudut pragmatik, ujaran-ujaran ini boleh dikategorikan sebagai bentuk defemisme, iaitu penggunaan istilah yang kasar atau menghina untuk menggantikan ungkapan yang lebih neutral atau sopan.

Dalam konteks wacana digital, penggunaan kata-kata seperti ini sering berlaku dalam situasi konflik, perdebatan politik atau respons terhadap isu sensitif dan berpotensi mencetuskan eskalasi komunikasi agresif. Oleh itu, analisis terhadap ujaran yang berasaskan penghinaan sifat manusia ini perlu mengambil kira bukan sahaja aspek linguistik, tetapi juga dimensi emosi, ideologi, dan kuasa yang melatari penggunaannya.

Menyamakan manusia dengan benda atau objek

- a. Terbaik better buang jer Dj mangkuk ayun ni..rugi jer byr gaji bulan2...perangai mcm sial..ada otak tk pakai...mental otak kot kau nk buat lawak2 mcm tu.. (BQ_FB14)
- b. permainan kotor dan busuk hati.mana kau berjalan badan tetap berbau bangkai. (BQ_FB01)
- c. Dia menang Pru 15 pun, dari hasil fitnah DSAI, Lepas ITU mintak maaf. Makan gaji wakil rakyat pun dari hasil fitnah. Walaun mangkok ini. (BQ_FB01)

Perbuatan memaki atau menyindir individu atau kumpulan tertentu dengan menyamakan mereka dengan benda atau objek seperti “mangkok” atau “bangkai” merupakan satu bentuk ujaran tidak santun yang bersifat menghina dan merendahkan martabat manusia. Strategi linguistik ini melibatkan proses *dehumanisasi*, iaitu penafian sifat kemanusiaan seseorang melalui penyamaan dengan entiti bukan manusia yang lazimnya membawa konotasi negatif, hina, atau menjijikkan.

Dalam konteks sosiolinguistik, penggunaan metafora objektifikasi ini berfungsi sebagai alat retorik untuk mengekspresikan kemarahan, kebencian, atau rasa tidak hormat secara intensif. Dalam wacana digital seperti media sosial, bentuk penghinaan ini sering kali diperkuat oleh sifat mediasi teknologi yang membolehkan pengguna mengekspresikan diri secara impulsif dan tanpa penapisan. Penyamaan manusia dengan objek bukan sahaja menghapuskan identiti dan keperibadian sasaran, tetapi juga berpotensi menormalisasikan budaya komunikasi agresif dalam ruang awam. Dalam wacana digital, penggunaan bahasa kasar sering kali bermula dengan ungkapan yang bersifat sindiran atau kritikan ringan, namun boleh berubah menjadi perbualan yang semakin kasar dan menyerang, terutamanya apabila pengguna saling membalas dengan ujaran yang lebih tajam dan menghina. Fenomena ini mencerminkan satu bentuk peningkatan dalam intensiti konflik linguistik, di mana interaksi yang asalnya bersifat ekspresif atau emosional bertukar menjadi pertelingkahan terbuka yang memuncak melalui bahasa.

Keagamaan dan Perkauman

Penggunaan perkataan tidak santun yang berkaitan keagamaan (juga melibatkansesama agama) dan perkauman dalam kalangan rakyat Malaysia sebagai ditunjukkan dalam contoh di bawah:

- a. Binatang ni betul2 jahat, buka mulut ja fitnah, saman ja YB Hannah, jgn BG muka dgn binatang laknat berjubah dahi hitam ni, memalukan agama lowbuy laknat ni.. (BQ_FB01)
- b. Babi dh mcm menumpang pulak kt negara ni hanat punya kerajaan gagal yg kafir hina islam siap dpt jumpa payung kuning lgi tu bila lh nk dpt kerajaan bela org melayu (BQ_FB14)
- c. Hebat pekerjaan korg!! Kena kat kapir yg hine agama korg ade korg berbunyi ke pukimak!! Kena kat org islam laju ko buat kejekn kire btul la yek islam nie bukan agama rasmi lagi dah!! Kena kat org islam kena toleransi kena kat kapir pala babi korg?? Yg mane dok jilat kapir babi nie korg tunggu la kat akhirat esok ye pukimak anjing kapir ko jgan nak suke sgat tau ko jilat si bontot x basuh jgan beria nau ye si anjing kapir laknat (BQ_FB14)

Penggunaan perkataan tidak santun yang berkaitan dengan keagamaan merujuk kepada ujaran yang melanggar norma kesantunan berbahasa apabila merujuk kepada entiti, amalan, atau simbol keagamaan. Contoh gelaran tidak santun tersebut seperti “*kafir*”, “*laknat*”, “*murtad*”, “*tongsan*” dan “*laknatullah*” sebagaimana dipaparkan dalam petikan data di atas. Ujaran sedemikian lazimnya bersifat ofensif, memperlekeh, atau menyinggung sensitiviti komuniti beragama, sama ada secara eksplisit mahupun tersirat. Contohnya termasuk penggunaan kata-kata yang memperolokkan ritual ibadah, memperlekehkan tokoh agama, atau menyindir ajaran suci dengan nada sinis atau sarkastik. Dalam konteks masyarakat majmuk, ujaran sebegini bukan sahaja mencetuskan konflik antara kelompok kepercayaan, malah berpotensi menjejaskan keharmonian sosial dan kestabilan politik.

STRATEGI KETIDAKSANTUNAN BERBAHASA

Ketidaksantunan dalam komunikasi bukan sekadar pelanggaran etika atau norma kesantunan, tetapi berfungsi sebagai mekanisme sosial yang kompleks. Secara umum, ketidaksantunan berbahasa memainkan peranan penting dalam memperkukuh atau menentang identiti individu, hubungan interpersonal, norma sosial, serta ideologi yang mendasari sesuatu masyarakat. Ia bukanlah fenomena yang bersifat rawak, sebaliknya mempunyai fungsi yang tersusun dan kadangkala bersifat strategik. Culpeper (1996) mengemukakan lima kategori dalam ketidaksantunan berbahasa, meliputi ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif, sarkasme atau kesantunan semu maupun menahan kesantunan. Kelima teori yang dikemukakan Culpeper dalam penelitian ini hanya empat kategori yang ditemukan dalam tuturan warganet iaitu:

Ketidaksantunan secara langsung (*Bald on Record Impoliteness*)

Tindakan ancaman terhadap muka (FTA) dilakukan secara langsung, jelas, tidak samar dan padat dalam situasi di mana aspek muka tidak diabaikan atau diminimumkan. Strategi ketidaksantunan secara langsung sering digunakan dalam keadaan afektif tinggi, di mana penutur melanggar norma kesantunan secara langsung tanpa sebarang usaha mitigasi.

Penggunaan kata kasar seperti cilaka (celaka) dan bangang sebagaimana dalam jadual di bawah secara langsung dan terbuka digunakan:

- a. Astro pon bangang periuk nasi depa bagi laa depa kerja..ikut cakap meteri..menteri pon bangang (BQ_FB01)
- b. Islam versi PAS..aku xheran klu puak prangai lebih dari syaitan (BQ_FB01)
- c. Bt malu ke haji je ..nama da haji Nabil tp prangei mcm setan.setan pn takut Allah.. (BQ_FB14)

Data (a)-(c) di atas menunjukkan ketidaksantunan berbahasa secara langsung. Ketidaksantunan bahasa yang dilakukan netizen dalam isu BQ_FB01 dan BQ_FB14 adalah melibatkan isu 3R dan isu politik yang secara langsung ditujukan kepada Astro, PAS dan Nabil. Ujaran ini dianggap sebagai ketidaksantunan berbahasa secara langsung karena netizen menulis komen secara jelas, ringkas dan tidak kabur. Hal ini ditandai dengan perkataan ‘Astro’ ‘PAS’ dan ‘Nabil’ yang jelas rujukannya dan diketahui oleh netizen yang mengikuti isu ini.

Kesantunan Positif (*Positive Impoliteness*)

Penggunaan strategi ini bertujuan merosakkan kehendak muka positif penerima, contohnya: mengabaikan individu lain, mengecualikan mereka daripada aktiviti, menunjukkan sikap tidak berminat, tidak peduli, tidak bersimpati, menggunakan penanda identiti yang tidak sesuai, menggunakan bahasa yang kabur atau bersifat rahsia, sengaja mencetuskan pertentangan, menggunakan kata-kata tabu atau memanggil dengan gelaran yang menghina.

- a. Makin besar kepala puak2 kicap hitam ni sekarang ye
- b. Pecat terus BABI ini semua. (BQ_FB14)
- c. Anak Haram.....mamak babi BQ_FB14
- d. Muka sebijik macam babi hutan hutan 3 ekor ni..padan muka kamu,melampau sangat perangai setan
- e. 8481 perkauman memang BODOH2 belaka

Strategi ini merujuk kepada tindakan komunikasi yang sengaja menjejaskan imej sosial atau kehendak muka positif seseorang, iaitu keinginan untuk dihormati, diterima, dan dianggap sebagai anggota yang bernilai dalam masyarakat. Ia dilakukan melalui pelbagai bentuk perlakuan dan ujaran yang bersifat menghina, mengecualikan, atau merendahkan martabat individu atau kumpulan. Contoh-contoh yang diberikan (a–e) menunjukkan penggunaan bahasa kasar dan gelaran menghina seperti “BABI”, “anak haram”, “mamak babi”. Serangan terhadap identiti etnik atau kaum (“puak2 kicap hitam”, “perkauman memang bodoh2 belaka”. Penghinaan fizikal dan moral (“muka macam babi hutan”, “perangai setan”) serta nada agresif dan provokatif yang bertujuan memalukan serta merendahkan penerima.

Kesantunan Negatif (*Negative Impoliteness*)

Ketidaksopanan negatif merujuk kepada strategi linguistik yang bertujuan untuk mencabuli keinginan muka negatif penerima, iaitu hak untuk mengekalkan autonomi, tidak diganggu, dan bebas daripada paksaan sosial. Strategi ini lazimnya digunakan untuk menegaskan dominasi, menimbulkan ancaman, atau merendahkan pihak lain dalam interaksi. Antara strategi utama yang dikenal pasti ialah dengan menakut-nakutkan dan mewujudkan persepsi bahawa tindakan yang memudaratkan penerima akan berlaku, sekali gus mengancam keselamatan psikologi atau

sosial mereka dan juga merendah-rendahkan atau mengejek yang menonjolkan kuasa relatif penutur melalui cemuhan, ejekan, atau nada menghina yang menafikan kesamarataan dalam interaksi. Contoh-contoh berikut menunjukkan bagaimana strategi ini digunakan dalam wacana digital:

- a. Kena ajag betoi² sekali dia ni. Lain kali nak bercakap pikiag dulu. Ni asalkan boleh mic kat dia naik gila babi cakap tak pikiag (BQ_FB01)
- b. Apa kata..kita ikat rantai suruh depa ni blakon mcm itu kat tgh Pekan..mcm Beruk. Esp..anak haram Azad mamak tu (BQ_FB14)
- c. Tidak payah terima maaf, bagi saman terus, saman rm100juta bagi pengajaran kepada puak2 cilaka yg suka buat fitnah

Ujaran dalam 3(a)-(c) memperlihatkan provokasi yang cuba dilakukan dengan netizen dengan cara mengertak dan mengancam pihak yang diperkatakan contohnya dengan ayat “kena ajag betoi²”, “Apa kata..kita ikat rantai suruh depa ni blakon mcm itu kat tgh Pekan..mcm Beruk” dan “Tidak payah terima maaf, bagi saman terus, saman rm100juta”. Strategi ini bukan sahaja melanggar norma kesantunan, tetapi juga berpotensi mencetuskan konflik, memperkukuh stereotaip negatif dan menyemai budaya komunikasi yang toksik terutamanya dalam ruang digital yang bersifat terbuka dan tular.

Sarkarme atau Berpura-pura Santun (*Sarcasm or Mock Politeness*)

Tindakan ancaman terhadap muka dilakukan melalui implikatur, tetapi dengan cara yang menunjukkan satu niat yang jelas dan dominan berbanding maksud lain yang mungkin. Strategi ini menggunakan kesantunan secara sinis atau berpura-pura, di mana penutur menyampaikan penghinaan dalam bentuk yang kelihatan sopan tetapi sebenarnya menyindir.

- a. Saya baru lepas mkn lembu... ermm sedapnya lembuu (BQ_FB14)
- b. yg terang² hina agam mcm mana? SY MINTA MAAF SETTLE babi (BQ_FB14)

Ujaran 4 (a)-(b) di atas menunjukkan adanya ketidaksantunan berbahasa sarkasme atau ketidaksantunan sindiran yang dilakukan oleh netizen. Dalam ujaran 4 (a) dan (b), penutur bernada sinis apabila mengucapkan “...*ermm sedapnya lembuu*” dan kata-kata “*SY MINTA MAAF ...*”. Kata-kata ini boleh dianggap berbentuk 'sindiran', kerana kata “*lembu*” dalam konteks isu yang menyangkut 3R, adalah untuk menyindir sekumpulan yang lain. Manakala ungkapan “...*SY MINTA MAAF SETTLE babi*” tidak menunjukkan keikhlasan atas permohonan maaf tersebut. Penutur cuba menyampaikan ketidakpuasan hati penutur apabila penghinaan dilakukan terhadap agama lain, ia hanya boleh diselesaikan dengan membuat permohonan maaf Sahaja. Ketidakikhlasan penutur dapat ditunjukkan dengan penggunaan huruf besar “*SY MINTA MAAF SETTLE*” seolah-olah menunjukkan penekanan atau penegasan secara sinis permohonan maaf. Malah ungkapan mohon maaf dan diikuti kata makian ‘babi’ jelas penutur tidak bersikap jujur dalam permohonan maaf tersebut.

Culpeper (2011) menegaskan bahawa ketidaksantunan berbahasa bukan sekadar kegagalan untuk bersikap sopan, tetapi merupakan strategi linguistik yang terstruktur dan bertujuan untuk menyinggung, mencabar, atau menegaskan kuasa dalam interaksi sosial. Fenomena ini turut diperkuat oleh sifat mediasi teknologi dalam wacana digital, seperti media sosial, yang mengurangkan kehadiran sosial dan akibat langsung terhadap penutur. Anonimitas dan jarak sosial membolehkan pengguna mengekspresikan emosi secara lebih bebas, sekali gus

meningkatkan kecenderungan untuk menggunakan ujaran yang tidak santun sebagai bentuk pelepasan emosi (Hardaker, 2010).

Culpeper (2011) menjelaskan bahawa salah satu fungsi ketidaksantunan yang signifikan ialah ketidaksopanan afektif, iaitu manifestasi emosi secara terbuka dan tidak terkawal dalam konteks yang lazimnya melarang ekspresi sedemikian. Contohnya termasuk ketawa sewaktu majlis pengebumian, yang secara budaya dianggap tidak sesuai dan menyinggung sensitiviti sosial. Ketidaksopanan afektif ini boleh berlaku secara impulsif dan refleksif, iaitu sebagai tindak balas spontan terhadap rangsangan emosi, atau secara strategik dan instrumental, apabila individu sengaja mempamerkan emosi tertentu untuk mencapai tujuan tertentu.

Dalam konteks yang lebih instrumental, ketidaksopanan afektif sering melibatkan paparan emosi yang sengaja ditingkatkan, khususnya kemarahan, dengan tujuan menyalahkan pihak lain atas tercetusnya keadaan emosi negatif tersebut. Paparan emosi ini bukan sahaja menyampaikan rasa tidak puas hati, tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk menegaskan kuasa, menuntut perhatian, atau mencabar struktur sosial yang sedia ada. Oleh itu, ketidaksopanan afektif bukan sekadar gangguan komunikasi, tetapi juga satu bentuk tindakan sosial yang sarat dengan makna dan implikasi budaya. Dapatan menunjukkan bahasa kasar menjadi sebahagian daripada gaya komunikasi digital yang ekspresif dan autentik. Media sosial berperanan sebagai saluran untuk meluahkan emosi seperti kemarahan, kekecewaan dan ketidakpuasan terhadap isu jenayah dan keganasan, politik dan 3R. Dalam keadaan afektif yang tinggi seperti kemarahan, kekecewaan, atau tekanan psikologi, individu cenderung menggunakan bahasa yang kasar sebagai satu bentuk mekanisme pelepasan emosi atau luahan perasaan atau diistilahkan sebagai *venting* yang berfungsi untuk melepaskan tekanan dalaman secara spontan (Scherer, 2003). Pelepasan emosi (*venting*) di media sosial merujuk kepada tindakan meluahkan perasaan, kekecewaan, pemikiran, atau rungutan secara terbuka dan umum melalui platform media sosial. Ia melibatkan perkongsian pengalaman peribadi, masalah, atau emosi kepada khalayak yang luas, lazimnya dengan tujuan untuk mendapatkan sokongan, pengesahan sosial, atau melepaskan kemarahan dan rasa tidak puas hati terhadap individu atau organisasi tertentu (<https://www.endnowfoundation.org/socialmedia-vent/>). Dalam konteks ini, ujaran tidak lagi berperanan semata-mata sebagai medium penyampaian maklumat, tetapi menjadi saluran ekspresif yang mencerminkan keadaan emosi penutur. Walaupun *venting* boleh dianggap sebagai sebahagian daripada proses pengurusan emosi, ia juga menimbulkan persoalan etika komunikasi dan tanggungjawab sosial. Penggunaan bahasa kasar secara berterusan dalam ruang awam boleh mencetuskan budaya komunikasi agresif, dan menjejaskan keharmonian sosial.

Penggunaan kata kasar seperti *cilaka* (*celaka*), *bodoh*, *babi*, *bangang* dan lain-lain secara terbuka, jelas, langsung dan terus terang, tanpa sebarang usaha untuk mengurangkan kesan terhadap pendengar. Dengan melabel dan merujuk individu atau sekumpulan dengan panggilan *cilaka*, *bangang* dan *bodoh* adalah perbuatan menggunakan strategi ketidaksantunan berbahasa secara langsung apabila penutur secara langsung telah melakukan ancaman muka terhadap penerimanya. Hal ini menunjukkan telah berlakunya ketidaksantunan apabila penutur tidak menghormati perasaan dan air muka penerima. Strategi ini lazimnya digunakan ketika penutur mengalami kemarahan, kekecewaan atau tekanan emosi dan bertujuan menyampaikan mesej secara tegas tanpa mempertimbangkan implikasi kesantunan. Dalam pragmatik, pendekatan ini melanggar norma interaksi sopan kerana tiada elemen mitigasi seperti penjelasan, penapisan bahasa atau penggunaan strategi kesantunan positif/negatif.

Kesimpulannya, memahami ketidaksopanan afektif memerlukan pendekatan yang holistik, merangkumi aspek psikologi, sosiologi dan linguistik. Ia mencerminkan bagaimana emosi dan komunikasi saling berkait dalam membentuk dinamika sosial, serta bagaimana

individu menggunakan ekspresi emosi sebagai strategi untuk berinteraksi dan berunding dalam ruang sosial yang kompleks.

KESIMPULAN

Bahasa tidak santun dalam media sosial merupakan fenomena kompleks yang melibatkan interaksi antara faktor linguistik, psikologi, dan sosial. Kajian ini menegaskan keperluan pendekatan holistik dalam menangani isu ini, termasuk pendidikan, dasar teknologi, dan pengukuhan nilai kesantunan dalam budaya komunikasi digital. Walaupun ia sering dilihat sebagai bentuk komunikasi negatif, bahasa tidak santun juga berperanan dalam memperkukuh identiti kumpulan dan menyuarakan pendapat secara lantang. Namun begitu, penggunaan berlebihan boleh menjejaskan keharmonian komunikasi dan menimbulkan konflik dalam masyarakat digital. Oleh itu, kesedaran linguistik dan literasi digital perlu diperkukuh agar pengguna media sosial lebih peka terhadap implikasi bahasa yang digunakan. Kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjut mengenai strategi pengurusan bahasa tidak santun serta peranan institusi pendidikan dalam membentuk budaya komunikasi yang lebih beradab di alam maya.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada dapatan penyelidikan GUP-2023-034 yang bertajuk Perubahan Normalisasi Bahasa dalam Komunikasi Internet.

RUJUKAN

- Azean Idruwani Idrus. 2022. Trend Warganet Guna Bahasa Kasar di Media Sosial. <https://majoriti.com.my/berita/2022/04/08/trend-warganet-guna-bahasa-kasar-di-media-sosial>.
- Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin. 2019. Buli siber: Ketidaksantunan bahasa dan etika media sosial dalam kalangan remaja Malaysia. *E-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(6), 1-16. <https://journalarticle.ukm.my/19990/>
- Azizul Ismail & Vijayaletchumy Subramaniam. 2018. Ketidaksantunan bahasa dalam blog politik di Malaysia. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 5(2), 461-480.
- Culpeper, J. 1996. Towards an Anatomy Of Impoliteness. *Journal of Pragmatics*. 25(3), 349-367.
- Culpeper, J., Bousfield, D., and Whichmann, A. 2003. "Impoliteness Revisited with Special Reference to Dynamic and Prosodic Aspects". *Journal of Pragmatics*, 35, 1545-1579.
- Culpeper, J. 2011. *Impoliteness: Using Language to Cause Offence*. Cambridge University Press.
- Culpeper, J. 2016. Impoliteness Strategies.. In Mey, J.L. (Ed.). *Interdisciplinary In Pragmatics, Culture And Society*. PP 421- 445. Switzealand: Springer International Publishing.
- Haboobi, Z.R.H.A., & Rikabi, A.A.A. (2022). The (Im)politeness Of Political Fallacies: A Pragmatic Analysis. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 18(Special Issue 1), 05-720.
- Hardaker, C. 2010. Trolling in Asynchronous Computer-Mediated Communication: From User Discussions to Academic Definitions. *Journal of Politeness Research*, 6(2), 215–242.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krotov, V., Johnson, L. R. & Silva, L. 2020. Legality and Ethics of Web Scraping. *Communications of The Association for Information Systems*, 47: 555-579.

- Mohd Norazizi Samsudain & Mardiah Shah Omar. 2022. Penggunaan Unsur Bahasa Negatif terhadap Hantaran Isu 1MDB oleh Pengguna Facebook. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 33(1), 87–107. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/36434>
- Najwa Nazurah Rashid & Nora'Azian Nahar. 2022. Ungkapan makian dalam wacana politik menerusi kumpulan komuniti Facebook 'suara rakyat'. *International Young Scholars Journal of Languages*, 5(1), 118-127. <http://irep.iium.edu.my/101433/>
- Nur Anis Najihah Mohd Rapihei & Sa'adiah Ma'alip. 2024. Penggunaan Bahasa Kasar di Ruangan Komen Akhbar Sinar Harian dalam Aplikasi Facebook. *Jurnal Melayu. Isu Khas*. 183-205.
- NurSyafieqa 'Ifwat Mohmod Rofik & Maizura Osman. 2024. Ungkapan kesat dalam penggunaan implikatur di media sosial pada musim pilihan raya. *Jurnal Pertanika, Social Sciences & Humanities* 32(1), 139-160. [http://www.pertanika.upm.edu.my/pjssh/browse/regular-issue?article=JSSH\(S\)-1572-2024](http://www.pertanika.upm.edu.my/pjssh/browse/regular-issue?article=JSSH(S)-1572-2024)
- Nurul Syazwani Zulkifli, Noor Asliza Abdul Rahim dan Wan Norhaizar Harun. 2025. Ungkapan Kesat Dalam Interaksi Siber: Analisis Ketidaksantunan Berbahasa. Prosiding SUTERA 2025, 235–241. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).
- Scherer, K. R. (2003). Vocal communication of emotion: A review of research paradigms. *Speech Communication*, 40(1–2), 227–256.
- Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi. 2018. Rujukan Industri Kandungan Penyiaran: Bahasa larangan. Jabatan Pemantauan dan Pematuhan Penyiaran, MCMC.

Biodata Penulis:

Maslida Yusof, Ph.D., ialah Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan pragmatik bahasa Melayu.

Karim Harun, Ph.D., ialah Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Sejarah Linguistik dan Psikolinguistik.

Wan Robiah Meor Osman, Ph.D., ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah sociolinguistik, sociopragmatik dan leksikografi.

Salinah Ja'afar, Ph.D., ialah Profesor Madya di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau ialah semantik, pragmatik, terjemahan, dan geolinguistik.

Rusmadi Baharuddin, Ph.D., ialah mantan Pengarah Perancang Bahasa, Jabatan Pembinaan Bahasa dan Sastra, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kini bergiat aktif dalam Persatuan Linguistik Malaysia.